

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI  
[ PUTATAN ]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI [ PUTATAN ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kementerian akan memperkenalkan semula skim subsidi pekebun kecil untuk **tanaman baru** kelapa sawit di negeri Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Bagi aktiviti tanam baharu kelapa sawit, Kerajaan sememangnya telah memperkenalkan skim subsidi berbentuk geran di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) dengan peruntukan dana berjumlah RM60 juta bagi tujuan ini. Skim ini telah dibuka kepada pekebun kecil di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

Namun demikian, skim ini tidak diberi keutamaan lagi buat masa ini kerana aktiviti perluasan penanaman baru sawit bukan lagi langkah utama dalam meningkatkan pengeluaran hasil sawit negara. Langkah yang sedang diambil perhatian oleh Kerajaan pada masa ini adalah meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil sawit melalui penggunaan sumber sedia ada tanpa penambahan perluasan kawasan baharu. Ini kerana perluasan kawasan baru telah menimbulkan pelbagai polemik dan tuduhan tidak berasas dari pelbagai pihak di luar negara.

Untuk makluman, Kerajaan telah menetapkan had keluasan tanaman sawit pada 6.5 juta hektar sahaja di negara ini. Penetapan ini adalah selari dengan komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan negara dilitupi oleh kawasan berhutan dan litupan pokok sepertimana yang dinyatakan semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada tahun 1992.

Walau bagaimanapun, KPPK akan sentiasa melihat keperluan semasa Pekebun Kecil dan sekiranya terdapat keperluan, usaha akan diambil untuk memberikan dana sewajarnya tertakluk kepada kemampuan kewangan pihak Kerajaan.

Sekian, terima kasih.